

17/10/2003

Malaysia tolak isu Manpads

Khaidir Abdul Majid; Zainab Mohd Yatim

BANGKOK: Malaysia akan membantah sebarang usaha untuk membawa isu pengharaman senjata ke mesyuarat peringkat menteri forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) (AMM) bermula hari ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata perbincangan isu berkenaan tidak sesuai di mesyuarat itu kerana ia bukan isu ekonomi.

"Kita berpendapat ia lebih sesuai dibincangkan di mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," kata Rafidah kepada wartawan Malaysia setibanya di sini semalam untuk menghadiri mesyuarat dua hari AMM dan mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada mesyuarat peringkat pemimpin Apec bermula Isnin depan.

Pada mesyuarat peringkat pegawai kanan Apec (SOM) di sini kelmarin, wakil Amerika Syarikat mencadangkan supaya kumpulan itu membincangkan kemungkinan mengharamkan pengeluaran, penjualan dan pengedaran Sistem Pertahanan Udara Bergerak (Manpads) di rantau Apec.

Amerika berpendapat senjata Manpads itu, yang memerlukan hanya seorang pengendali, mudah diperoleh oleh pengganas dan mengancam keselamatan pesawat tentera dan sivil, malah berpotensi menghancurkan sesebuah ekonomi seperti berlaku di Kenya, yang mana sebuah pesawat sivil Israel menjadi sasaran pengganas yang membawa senjata Manpads.

Wakil Malaysia pada mesyuarat SOM membantah pembawaan isu itu dalam mesyuarat Apec tetapi ia tetap dipersetujui SOM.

Rafidah berkata Malaysia tetap menyuarakan bantahan di mesyuarat peringkat menteri jika isu itu dibangkitkan lagi, demi untuk memastikan agenda ekonomi Apec tidak menyimpang bagi membincangkan isu yang tidak berkaitan dengan tujuan asal penubuhan Apec.

"Apec ditubuhkan pada 1989 bagi tujuan mempromosi perdagangan di rantau Asia Pasifik.

"Pendirian Malaysia adalah kita mahu terus menumpukan kepada kegiatan mendorong pasaran. Mungkin ramai yang sudah lupa bahawa matlamat Apec adalah ke arah galakan perniagaan, bukannya menumpu kepada isu keganasan," kata Rafidah.

Bantahan Malaysia terhadap isu Manpads itu tidak bermakna negara tidak memainkan peranan penting dalam memerangi keganasan di rantau Apec, kata Rafidah sambil menambah, Malaysia memainkan peranan utama memerangi keganasan terutamanya dalam memastikan keselamatan perdagangan dijamin dan perjalanan perniagaan dipermudahkan.

Beliau berkata antara sumbangan besar Malaysia ialah membantu dalam penubuhan Pasukan Petugas Memerangi Keganasan Apec (CTTF) dan pembangunan Pelan Tindakan CTTF.

Katanya, CTTF Apec sudah menyatakan minat untuk bekerjasama dengan Pusat Serantau Memerangi Keganasan Asia Tenggara (SEARCCT) di Malaysia dalam mengadakan program latihan untuk meningkatkan keupayaan anggota Apec dalam melaksanakan Pelan Tindakan pasukan petugas itu.

Rafidah berkata Malaysia meminta CTTF Apec untuk memberi tumpuan kepada kenaikan kos yang ditanggung oleh negara anggota dalam melaksanakan langkah baru untuk menjamin keselamatan perdagangan dan kesannya kepada perniagaan.

Apec, katanya, perlu menangani isu berkenaan agar negara membangun tidak terjejas berikutan tidak mempunyai sumber yang memadai dalam melaksanakan langkah yang akan ditetapkan kumpulan itu kepada anggotanya untuk menjamin

keselamatan perdagangan.